

NO. SOALAN : 379

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

RUJUKAN : 7301

SOALAN:

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan laporan terkini mengenai pusat pemulihan dadah di seluruh negara dan sejauhmana perkembangan keberkesanan program pemulihan yang dijalankan ketika ini.

JAWAPAN:

Mulai 1 Julai 2010, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan secara sukarela dan terbuka di Klinik *Cure & Care* 1Malaysia bagi individu yang mempunyai masalah penagihan dadah tanpa melalui tindakan undang-undang. Penekanan diberikan terhadap kaedah rawatan pemulihan secara sukarela dan menggabungkan elemen program psikososial dan klinikal serta perubatan sebagai komponen utama pelaksanaan program.

Sambutan yang diterima semenjak penubuhan Klinik C&C 1Malaysia tersebut adalah amat menggalakkan daripada individu-individu yang menghadapi masalah penyalahgunaan atau penagihan dadah. Bagi tempoh 2010 sehingga 2013, jumlah klien yang mendapatkan perkhidmatan secara sukarela adalah seramai 38,124 orang (Jadual 1).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, AADK telah menerima pengiktirafan daripada *United Nations Office On Drugs and Crime* (UNODC) dan *World Health Organisation* (WHO) atas pelaksanaan konsep terbuka (*open access*) dan sukarela (*voluntary*) di Klinik C&C 1Malaysia sebagai amalan terbaik dalam memberi perkhidmatan kepada mereka yang mempunyai permasalahan dadah.

Bagi mengukur keberkesanan program rawatan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Klinik C&C 1Malaysia, satu kajian telah

dijalankan oleh pihak Universiti Malaya pada tahun 2012. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa daripada 313 orang responden, 94.4% adalah berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan.

Pendekatan Model *Cure & Care* ini menjadi teras kepada semua bentuk perkhidmatan yang ditawarkan oleh AADK dengan menjadikan *tagline* “Kami Prihatin, Kami Sedia Membantu”, (*We Care, We Serve*) untuk memulihkan klien sebagai manusia yang kembali berfungsi.

Bagi individu yang dikesan dan disahkan sebagai penagih dadah, mereka akan diperintahkan oleh Mahkamah untuk menjalani rawatan dan pemulihan selama dua (2) tahun di *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC) di bawah Seksyen 6(1)(a) atau melalui perintah pengawasan di dalam komuniti selama dua (2) tahun di bawah Seksyen 6(1)(b) seperti termaktub dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Sehingga Ogos 2014, jumlah keseluruhan klien yang mendapatkan perkhidmatan di 21 buah CCRC ialah 26,245 orang (Jadual 2).

Pihak Kerajaan melalui AADK juga melaksanakan pelbagai program dalam usaha membendung gejala dadah yang merangkumi program-program berikut:

i. **Program Pengesanan dan Pengawasan**

Melalui program ini, AADK akan mengambil tindakan mengesan dan menahan penagih dadah, menguruskan Orang Kena Pengawasan (OKP), mengambil tindakan terhadap aktiviti

penagihan dan penyalahgunaan dadah yang diterima melalui aduan serta mengambil tindakan perundangan terhadap OKP yang melanggar syarat-syarat pengawasan.

ii. Program Pencegahan

Di bawah Program Pencegahan, fokus AADK adalah untuk memberi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada komuniti melalui empat (4) strategi utama iaitu Keluarga Bebas Dadah, Institusi Pendidikan Bebas Dadah, Tempat Kerja Bebas Dadah dan Komuniti Bebas Dadah.

a) Institusi Keluarga Bebas Dadah

- ***Family On Alert***

Program yang dilaksanakan kepada keluarga yang berisiko supaya dapat menangani masalah dadah. Antara objektifnya ialah memberi kesedaran dan pengetahuan berkenaan kesan dadah terhadap kesihatan. Peserta juga diberi pengetahuan, kemahiran serta panduan keibubapaan, pengurusan kewangan dan pengurusan tekanan.

b) Institusi Pendidikan Bebas Dadah

- **Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS)**

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan mengupayakan ketahanan diri murid (lingkungan umur 13

hingga 18 tahun) yang dikenal pasti berisiko dalam penyalahgunaan dadah.

Antara matlamatnya ialah untuk membendung dan memastikan murid yang berisiko tidak terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah.

- *Tomorrow's Leader*

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan warga Institut Pengajian Tinggi (IPT) mengenai bahaya dadah dan kepentingan usaha pencegahan agar mereka mengambil tanggungjawab dan mengupayakan diri dalam konteks pencegahan dadah.

Matlamatnya adalah memastikan pelajar IPT mempunyai pengetahuan, kesedaran dan kemahiran mengenai gaya hidup sihat tanpa dadah agar mewujudkan Kampus Bebas Dadah.

c) **Tempat Kerja Bebas Dadah**

Program ini bertujuan untuk memastikan kawasan tempat kerja bebas daripada dadah. Matlamatnya ialah memastikan ini dapat dilaksanakan oleh majikan di Sektor Awam dan Swasta mengikut garis panduan dan modul yang ditetapkan oleh AADK seperti berikut:

- **Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD)**
- **Sektor Awam Bebas Dadah**

- **Sektor Swasta Bebas Dadah**
- **Sektor Agronomi Bebas Dadah**

d) Komuniti Bebas Dadah

Program-program untuk mewujudkan komuniti bebas dadah adalah seperti:

- **SKUAD 1Malaysia**
- **Program Pencegahan Dadah Bersama Peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)**
- **Rakan Antidadah (RADA)**
- **Masyarakat Wanita Antidadah (MAWADAH)**
- **Hari Antidadah Kebangsaan**
- **Hari Antidadah Antarabangsa**
- **Program bersama Badan Pertubuhan Bukan Kebangsaan (NGO) dan Rakan Pintar**
- **Sukses, Matang, Aktif, Rasional dan Tanggungjawab (SMART)**
- **Masjid Hentian Bebas Dadah (MAHABAH)**

e) Kesedaran Awam

Aktiviti-aktiviti kesedaran awam yang dijalankan ialah seperti:

- **Pameran**
- **Bas Pameran**
- **Media Baru**
- **Media Penyiaran (Radio)**
- **Media Penyiaran (TV)**

- **Media Cetak**
- **Media Luar**

iii. Program Gelombang Kesukarelaan

Pada tahun 2012, AADK telah melancarkan penubuhan SKUAD 1Malaysia bagi menggerakkan gelombang kesukarelaan di kalangan masyarakat untuk membantu Kerajaan dalam menangani permasalahan dadah. Seramai 255,256 orang telah menjadi ahli SKUAD 1Malaysia di seluruh negara untuk memberi pertolongan sokongan kepada mereka yang menghadapi permasalahan dadah, memberi kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah kepada masyarakat dan menjadi agen penyalur maklumat serta mempromosi perkhidmatan AADK.

iv. Melaksanakan Pelan Media Kempen Antidadah

Pada pertengahan tahun 2013, AADK telah mula melaksanakan program pelan media untuk menjalankan kempen-kempen pendidikan dan kesedaran pencegahan dadah dengan menggunakan pelbagai medium seperti media luar, media cetak, media penyiaran dan media baru.

Jadual 1 : Statistik Klien Ke Klinik C&C (2010 - 2013)

KLINIK C&C 1MALAYSIA	2010				2011				2012				2013			
	KLIEN		RUJUKAN & ADVOKASI	JUMLAH	KLIEN		RUJUKAN & ADVOKASI	JUMLAH	KLIEN		RUJUKAN & ADVOKASI	JUMLAH	KLIEN		RUJUKAN & ADVOKASI	JUMLAH
	INPATIENT (A)	OUTPATIENT (B)			INPATIENT (A)	OUTPATIENT (B)			INPATIENT (A)	OUTPATIENT (B)			INPATIENT (A)	OUTPATIENT (B)		
SG. BESI	400	400	22	822	1177	487	1016	2680	1329	608	778	2715	819	390	579	1788
KOTA BHARU	83	213	71	367	179	415	1173	1767	289	640	908	1837	192	657	707	1556
BKT MERTAJAM	128	99	0	227	699	401	722	1822	744	122	631	1497	317	344	897	1558
TAMPOI	44	57	12	113	474	335	363	1172	892	759	145	1796	680	280	272	1232
KUCHING	11	3	2	16	94	107	295	496	93	284	94	471	111	141	37	289
PAPAR	0	0	10	10	179	279	145	603	235	250	29	514	244	267	27	538
TAMPIN	0	0	0	0	134	173	366	673	556	533	824	1913	382	572	3092	4046
JERANTUT	0	0	0	0	92	62	0	154	480	600	190	1270	580	639	433	1652
KARANGAN									393	45	268	706	418	274	76	768
BACHOK									32	13	2	47	72	291	21	384
DENGKIL													204	170	25	399
SG.RUAN													51	113	62	226
JUMLAH	666	772	117	1555	3028	2259	4080	9367	5043	3854	3869	12766	4070	4138	6228	14436

Jadual 2 : Jumlah Klien Di *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC/PUSPEN) Mengikut Negeri Bagi Tahun 2010 Hingga Ogos 2014

NEGERI	2010	2011	2012	2013	2014 (Ogos)	JUMLAH
JOHOR	624	504	516	476	334	2,454
KEDAH	1,153	626	648	263	200	2,890
KELANTAN	425	100	53	512	338	1,428
MELAKA	34	82	84	241	214	655
NEGERI SEMBILAN	255	235	271	326	258	1,345
PAHANG	613	351	530	1,237	829	3,560
PERAK	929	948	901	608	374	3,760
PERLIS	126	45	35	347	208	761
PULAU PINANG	1,595	459	628	310	256	3,248
SABAH	36	29	10	225	136	436
SARAWAK	140	200	151	95	98	684
SELANGOR	1,069	716	677	278	215	2,955
TERENGGANU	218	39	37	0	0	294
WIL.PERSEKUTUAN	381	456	930	0	0	1,767
PUTRAJAYA	6	0	2	0	0	8
JUMLAH	7,604	4,790	5,473	4,918	3,460	26,245